

22 APR 2003

PROTON-KILANG/I

KILANG BARU PROTON DI TANJUNG MALIM HAMPIR SIAP

Oleh: Arul Rajoo

TANJUNG MALIM, 22 April (Bernama) -- Kilang pemasangan Proton berharga RM1.8 bilion yang baru dan terancang di Tanjung Malim adalah 72.6 peratus siap dan dijangka mengeluarkan kereta pertamanya menggunakan enjin campro reka bentuknya sendiri pada akhir tahun ini.

Ketua pegawai eksekutif Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff berkata pembinaan bangunan itu adalah 90 peratus siap manakala pemasangan kelengkapan telah mencapai 56 peratus dengan 1,690 pekerja daripada 18 kontraktor utama dan 35 kontraktor kecil yang bekerja di tapak itu.

Pengeluaran awal adalah sekitar 20,000 unit manakala kilang itu sendiri mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan 150,000 unit setahun, beliau memberitahu pemberita selepas lawatan ke kilang itu untuk melihat kemajuannya, di sini hari ini.

Kilang itu terletak di Proton City, kira-kira 11km dari sini, akan hanya mengeluarkan model-model baru.

Ia adalah di atas tapak 512 hektar yang hampir lima kali kawasan kilang di Shah Alam.

Kilang baru itu juga akan merangkumi teknologi baru untuk mempertingkatkan lagi proses pengeluaran daripada segi automasi dan kawalan mutu.

Ini bukan sahaja mempermudah penambahbaikan dalam proses pengeluaran kereta-kereta sedia ada syarikat itu tetapi juga akan memastikan kapasiti pengeluaran yang cekap bagi model-model masa depan yang dirancang.

Tengku Mahaleel berkata kilang itu memasukkan banyak peningkatan bagi Proton dan banyak daripada sistem akan berasaskan kepada sistem pengeluaran Toyota.

"Pertamanya kilang itu adalah secara modul sepenuhnya dan satu modul tunggal akan memberikan kapasiti 250,000 unit setahun.

"Ia boleh dipertingkatkan dengan mudah dengan skala 250,000 unit setiap peningkatan untuk mencapai sejuta unit," katanya.

Upacara memecah tanah bagi Proton City dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac 1996 tetapi projek itu digantung pada Januari 1998 disebabkan kemelesetan ekonomi. Ia dimulai semula pada Januari 2002. -- BERNAMA

AR MKO KTC OS